

## **PENYEPADUAN ILMU WAHYU DAN ILMU BUKAN WAHYU: SATU ANALISA KRITIKAL**

### **Pendahuluan**

Konsep penyepaduan ilmu wahyu dan bukan wahyu telah lama dicetuskan. Bermula dengan persidangan Pendidikan Islam Sedunia di Mekah pada 1977, maka ramai pemikir Islam telah menggarap tentang konsep penyepaduan ilmu wahyu dan bukan wahyu sehingga berlakunya evolusi tentang hal ini di seluruh dunia Islam. Nama-nama seperti Syed Naquib al-Attas, Isma'il al-Faruqi, S. Hossein Nasr dan Fazlur Rahman merupakan tokoh-tokoh pemikir Islam antarabangsa yang menyentuh tentang integrasi ilmu ini. Malaysia sendiri mengalami perubahan demi perubahan apabila pemikir-pemikir Islam di Malaysia melakukan reformasi di dalam menyemai kesedaran kepada seluruh warganegara mengenai konsep ini. Tulisan ini akan menyentuh tentang perlunya kesepaduan ilmu wahyu dan ilmu bukan wahyu yang akan mengembalikan kesatuan ilmu berdasarkan kepada Al-quran dan al-sunnah serta berpaksikan kepada tauhid. Di samping itu akan menyentuh langkah-langkah ke arah penyepaduan kedua-dua ilmu tersebut.

### **Konsep Ilmu dan Pembahagiannya Dalam Islam**

Sebelum berbicara tentang konsep penyepaduan ilmu wahyu dan bukan wahyu, perlulah kita ketahui mengenai konsep ilmu dan pembahagiannya dalam Islam. Ilmu pengetahuan dipandang serius di dalam Islam. Ia merupakan asas pembinaan insan dan peradabannya. Perhatian serius Islam terhadap ilmu ini telah digambarkan di dalam penurunan ayat Al-Qur'an yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. seperti berikut :

أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَلَمْ نَكُنْ أَعْيُنُهُمْ الْإِنسَانُ ۝ أَلَمْ نَكُنْ لَهُمُ الْآلَاءَ كَرِيمًا ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝

عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝

Melalui ayat ini, ia mengutarakan empat perkara penting: pembacaan, pengajaran pena dan pengetahuan.

Hadith Rasulullah s.a.w. juga ada menyebutkan kepentingan menuntut ilmu iaitu :

"

"

Maksudnya : 'Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap muslim.

Ilmu menurut pandangan Islam adalah satu-satunya alat bagi manusia sampai kepada kebenaran (hakikat). Justeru kerana itu al-Quran adalah sumber utama dan terpenting bagi semua ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian semua ilmu bertolak dari premis Tauhid (Tauhidic premise), dan wajarlah ilmu itu sifatnya padu lantaran ia lahir dari sumber yang Satu – Allah.

Mengikut cadangan yang dilontarkan hasil daripada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam Pertama 1977 ilmu boleh diklasifikasikan kepada dua kategori berikut :

- a. Ilmu yang berpanjangan/abadi yang diberikan berdasarkan wahyu yang dipersembahkan di dalam al-Quran dan Sunnah dan semua yang boleh didapati daripada kedua-duanya dengan penekanan ke atas bahasa Arab sebagai kunci untuk memahami al-Quran dan Sunnah.
- b. Ilmu yang diperolehi termasuklah sains sosial, sains am dan sains terapan sesuai dengan perkembangan dan penambahan, terbatas kepada kepelbagaian dan lintas budaya melalui peminjaman selagi ia tidak bercanggah dengan syariah sebagai sumber nilai dikekalkan.

Berdasarkan kenyataan inilah ilmu dalam Islam dikategorikan kepada dua iaitu : ilmu fardu ain serta ilmu fardu kifayah ataupun ilmu naqliyyah serta ilmu aqliyyah.

## Definisi ilmu wahyu dan ilmu bukan wahyu

Menurut al-Attas yang memperkenalkan konsep ‘pengislaman ilmu’ ; ilmuterbahagi dua peringkat iaitu ilmu yang diberi Allah dan ilmu yang diperolehi oleh insan berdasarkan usaha aqliahnya sendiri.

Ilmu wahyu merupakan ilmu yang bersumberkan wahyu dari Allah. Dalam konteks ini ia bermaksud ilmu yang disandarkan kepada al-quran dan al-hadith. Bersandarkan klasifikasi ilmu yang dinyatakan di atas, maka ilmu wahyu juga boleh diertikan sebagai ilmu fardu ain atau ilmu naqliah. Ia disebut fardu ain kerana ia merupakan ilmu-ilmu yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim mempelajarinya. Ilmu-ilmu yang diwajibkan itu ialah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan aqidah , syariat, dan akhlak ; iaitu ilmu-ilmu yang berkaitan dengan membetulkan pegangan dan keyakinan, pembawaan lahiriah manusia dan pembersihan hatinya dari penyakit-penyakit tamak, ujub, takabbur dan sebagainya agar ia menjadi manusia yang ikhlas, jujur dan berakhlak mulia. Ia disebut sebagai ilmu naqliyyah kerana ia bersumberkan terus dari Allah.

Manakala ilmu bukan wahyu pula yang dimaksudkan di sini ialah ilmu yang selain daripada al-quran dan al-hadith dan ia termasuklah ilmu-ilmu melalui pengalaman, eksperimen, tinjauan dan penemuan manusia. Ia disebut sebagai ilmu fardu kifayah kerana ia merupakan ilmu-ilmu yang diwajibkan mempelajarinya ke atas masyarakat Islam secara kolektif, bukannya kewajipan individu sepertimana ilmu fardu ain. Ilmu ini disebut juga sebagai ilmu aqliyyah kerana sumber ilmu ini adalah berdasarkan akal manusia tetapi akhirnya menjurus ke arah pengiktirafan kepada kuasa Pencipta.

## Maksud penyepaduan ilmu wahyu dan bukan wahyu

Terdapat tiga istilah yang diguna pakai bagi merujuk kepada perkara ini iaitu; Islamisasi ilmu, Ilmu Bersepadu dan Integrasi ilmu. Ketiga-tiga istilah ini biarpun nampaknya berbeza, tetapi menjurus kepada makna yang sama iaitu proses

penyebatian antara kedua ilmu tanpa wujudnya pemisahan. Dalam erti kata lain tiada pemisahan di antara ilmu agama dan bukan agama(sains,kemanusiaan dsb.) Kedua-dua ilmu saling bertaut antara satu sama lain.

Menurut al-Attas, kedua-dua ilmu (ilmu wahyu dan ilmu bukan wahyu) adalah bersepadu kerana ilmu yang pertama menunjukkan tujuannya kepada roh dan diri aqli insan dalam kelakuan hidup sehari-hari dan menetapkan nilai hidup supaya kehidupan terpimpin ke arah jalan yang benar. Ilmu asasi menjadi dasar ilmu kedua. Jika tiada kesepaduan, maka ilmu yang kedua tidak dapat memandu dan membimbing insan di dalam kehidupan

Menurut Abdul Halim El-Muhammady, kedua-duanya( ilmu wahyu dan ilmu bukan wahyu) dalam praktiknya berlaku seiring dan serentak tidak boleh dipisahkan dan diceraikan. Dalam banyak hal fardu ain adalah bergantung kesempurnaan fardu kifayah. Dalam hal ini Abdul Halim membawa contoh berikut :

“ Contohnya yang paling dekat diberikan ialah seorang muslim diwajibkan menunaikan sembahyang fardu. Sembahyang tidak dianggap sah dan diterima Allah kecuali dilakukan dengan menutup aurat. Menutup aurat memerlukan bahan penutupan, oleh itu maka di sana wajib ada orang Islam yang boleh bahan-bahan pakaian dan pertukangan jahitan.”

Menurut Tajul Ariffin Noordin (1998) pula ; dalam konsep pendidikan bersepadu merupakan penyepaduan ilmu wahyu dan ilmu akal dalam pendidikan yang mementingkan akhlak manusia. Ia wujud sejak penciptaan manusia di dunia oleh Allah. Pendidikan yang berpaksikan keTuhanan dan bertujuan menghasilkan pelajar yang mempunyai sahsiah seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani. Usaha untuk mencapai matlamat ini dibuat melalui penyepaduan ilmu pengetahuan, nilai murni dan akhlak, strategi pengajaran dan pembelajaran bersepadu yang merangkumi aspek kemahiran, bahasa, kokurikulum dan budaya sekolah.

## Dualisme ilmu dan sebab-sebabnya

Kewujudan sistem dualisme dalam pendidikan di seluruh dunia Islam secara umum dan di Malaysia secara khusus selalunya dikaitkan dengan kedatangan penjajah. Kebanyakan penulis dan pengkritik menganggap hanya penjajahlah yang bertanggungjawab melahirkan dualisme itu dengan melaksanakan sistem sekular dalam pendidikan dan pembelajaran. Pada tanggapan mereka tanpa kedatangan penjajah tidak akan wujud kedua-dua itu.

Pada hakikatnya, selepas kejatuhan tamadun Islam dan terlepasnya kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan dari kuasa orang-orang Islam, kurikulum pelajaran di semua Institusi Pengajian Agama telah menjadi begitu sempit dan terhad. Institusi Pengajian Agama telah terputus dari perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan di dunia. Kurikulumnya bagi kanak-kanak kecil hingga ke umur yang paling dewasa hanya menumpu kepada suatu bentuk ilmu sahaja. Akibatnya, berlaku pertentangan antara penafsiran dan tanggapan ahli agama dengan ilmuan bukan agama. Keadaan ini menimbulkan pelbagai persoalan kepada golongan terpelajar Islam yang berjiwa kritis.

Antara persoalan itu ialah, bagaimana bentuk Islam yang syumul itu dapat diterjemahkan dalam konteks sistem pendidikan dan pembelajaran yang sekaligus melibatkan persoalan ilmu pengetahuan dan perkembangannya. Kalau Islam itu selari dengan ilmu pengetahuan dan perkembangannya, kenapa keadaan yang sedemikian tidak wujud dalam institusi pengajian Agama ? Malah sepanjang zaman kejatuhan tamadun Islam berlaku pertentangan antara andaian golongan agama dengan penemuan ilmu pengetahuan.

Sebenarnya, keadaan yang sedemikian itulah yang mewujudkan satu sistem lain yang memberikan pelajaran dan ilmu pengetahuan yang umum dan menyediakan tenaga-tenaga ahli atau profesional dan teknokrat dalam pentadbiran dan sebagainya. Dengan demikian, lahirlah sistem kedua-dua dalam pendidikan pada zaman kejatuhan dan kemunduran umat Islam. Hingga kini persoalan kedua-dua itu menjadi bertambah

rumit lagi, hingga kadang-kadang seperti wujud suatu pertembungan antara agama dan ilmu pengetahuan.

Perkembangan ilmu pengetahuan kini begitu pesat hingga tidak terjangkau lagi oleh akal manusia biasa. Ini boleh menggugat institusi agama. Pengembang-pengembang ilmu pengetahuan itu pada umumnya terdiri daripada orang-orang bukan Islam. Dengan itu bahasa ilmu pengetahuan sekarang bukan lagi bahasa Arab, kerana sejak zaman kejatuhan dan kemunduran Islam, umat Islam sudah tidak menjadi golongan penyelidik dan pengkaji yang aktif, inovatif, kreatif dan produktif. Umat Islam sebaliknya hanya menjadi golongan pengguna kepada hasil karya orang bukan Islam. Ini tentu sekali menjadikan keadaan Institusi. Pengajian Agama dalam bentuknya yang tradisional lebih tercabar lagi kewibawaannya.

Oleh kerana dari mula lagi asas tanggapan terhadap Islam dan ilmu pengetahuan terbentuk secara serpihan dan tidak menyeluruh atau bersepadu, maka secara logiknya matlamat persekolahan pun menjadi tidak bersepadu. Berlakulah kontradiksi antara kesedaran dan laungan kesyukuran Islam dengan realiti pelajaran, persepsi konsep dan sistem pendidikan seperti yang diterjemahkan dalam kurikulum sekolah agama dan pondok dalam bentuknya yang tradisional.

Akibatnya, banyak cabaran sezaman yang berhubung dengan sosiobudaya, sosioekonomi dan politik tidak dapat dihadapi. Demikian juga dengan cabaran-cabaran perkembangan ilmu pengetahuan di bidang sains dan teknologi. Persoalan-persoalan tersebut diteliti satu persatu sebelum dihurai bagi mendapatkan jawapannya secara Islam di peringkat yang tertinggi. Inilah sebenarnya telah melahirkan dualisme dalam kehidupan budaya umat Islam.

Keperluan kepada penyepaduan ilmu wahyu dan bukan wahyu.

Kewujudan dualisme di dalam pendidikan menyebabkan pemikiran Islam menjadi sempit. Atas pengaruh sekular, kita sendiri sama ada secara sedar atau tidak

telah memisahkan antara kedua-dua ilmu wahyu dan bukan wahyu. Keadaan ini mewujudkan pemetaan ilmu (compartmentization of knowledge). Menurut Rosnani Hashim (2001), masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan institusi pendidikan Islam ialah tidak wujudnya hubungan antara ilmu wahyu dan bukan wahyu. Kebanyakan model yang diambil samada secara kesleuruhan atau sebahagiannya dari Barat mendokong konsep sekular dan ia tidak mempunyai pusat atau teras, dan tidak juga mencerminkan ilmu atau insan. Kesannya ialah berlakunya pemetaan pelbagai cabang ilmu seperti sains tabi'i, sains social, sains gunaan, sains kemansuaian dan sains fardu 'ain tanpa sebarang pusat untuk mengikat dan menyatukan kesemuanya. Setiap petak ilmu mempertahankan kemerdekaannya sehingga akhirnya mengeneipkan 'aqidah untuk dijadikan teras bagi ilmu tersebut.

Integrasi ilmu wahyu dan bukan wahyu perlu dilakukan bagi memastikan terhapusnya elemen dualisme dan sekular di dalam ilmu. Apabila terhapusnya elemen dualisme ini, barulah ilmu dan pendidikan akan bertunjangkan kepada ilmu yang sebenarnya yang berpandukan wahyu dan bertunjangkan aqidah. Idealnya, kita perlu kembali kepada pengintegrasian ilmu supaya sumber asal yang sebenarnya diambil, difahami, dihayati dan diamalkan dalam diri individu dan masyarakat. Di antara langkah yang perlu diambil bagi memastikan pendidikan bebas daripada sekular dan dualisme serta menggantikannya dengan pandangan hidup Islam seperti mana yang ditekankan oleh Rosnani Hashim (2001) seperti konsep Islam yang berikut :

- a. Pandangan Islam terhadap Pencipta (Tauhid, iman dan sifat Allah)
- b. Penciptaan manusia dan tujuannya iaitu untuk menyembah Allah, menjadi khalifahNya, mengajak kepada ma'ruf dan mencegah mungkar, dan menyebarkan Islam.
- c. Hubungan manusia dengan Tuhan, iaitu kesedarannya terhadap Allah, akauntabilitinya terhadap Allah, melakukan amalan baik, menyembah dan berdoa kepadaNya.
- d. Hubungan manusia dengan manusia lain iaitu untuk menegakkan keadilan, menghormati nyawa, harga dan maruah, membina akhlak mulia dan mempamerkan sikap toleransi agama.

- e. Hubungan manusia dengan persekitaran yang menekankan peranannya sebagai khalifah Allah, hidup secara harmoni dengan makhluk Allah dan mengenali atau menemui Allah melalui makhlukNya.
- f. Pembangunan diri, iaitu menyediakan ruang untuk bermuhasabah, bertaubat dan memperbaiki diri.
- g. Tujuan akhir insane iaitu untuk menggalakkan akauntabiliti menerusi penilaian peranan, memahami Hari Kiamat dan Kehidupan Akhirat dan implikasinya.
- h. Mengembangkan tatasusila(ethos) Islam supaya dapat membina persekitaran yang sejiwa dengan Islam.

Keperluan yang kedua di dalam penyepaduan ilmu ialah ia akan mengembalikan kesyumulan dan keseimbangan kepada fitrah ilmu itu sendiri. Kita melihat pemisahan dan pemetakan ilmu ini bukanlah sesuatu yang fitrah atau semulajadi di dalam konteks pandangan Islam terhadap ilmu. Fitrah bagi ilmu dalam Islam ialah sampai kepada kebenaran, bukan semata-mata maklumat dan fakta sebagaimana yang difahami oleh barat. Bagi barat, ilmu merujuk kepada pengenalan atau persepsi jelas tentang fakta-fakta (knowledge denote acquaintance with, or clear perception of facts). Fakta-fakta merujuk pula kepada perkara yang boleh ditanggapi oleh pancaindera zahir, yakni yang bersifat emperikal. Perkara-perkara yang diluar pencapaian pancaindera zahir tidak disebut fakta dan tidak dikira termasuk dalam ruanglingkup ilmu. Ajaran-ajaran agama secara mutlak dikeluarkan dari semata-mata (beliefs or opinions). Sekiranya integrasi ilmu tidak berlaku maka selama-lamanya ilmu yang difahami Islam tidak akan membawa kepada kebenaran. Dengan sebab itu penyepaduan diperlukan.

Ketiganya, penyepaduan ilmu wahyu dan ilmu bukan wahyu sangat diperlukan bagi memastikan konsep ilmu itu dipaksikan kembali kepada tauhid. Tauhid merupakan manifestasi pengakuan dan penyaksian “Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah” dan ia merupakan asas bagi Islam. Manifestasi syahadah ini bukan sahaja menjelaskan tentang konsep ketuhanan tetapi membantu memastikan kekuatan dalaman dan luaran dalam pembinaan shaksiah, pemikiran dan tamadun Islam. Keesaan Allahlah yang menjadi petunjuk tentang penyepaduan ini. Ilmu ia

perlu didokongi oleh asas aqidah atau tauhid. Dengan erti kata yang lain, aqidah dan ilmu tidak dapat dipisahkan.

Dalam hal ini, Rosnani Hashim membuat analogi di antara hubungan ilmu dan aqidah. Ilmu digambarkan sebagai layang-layang dan aqidah sebagai talinya. Setiap kali layang-layang diterbangkan tali tersebut sentiasa mengikat dan memandu layang-layang mengikut pergerakan angin. Batyangkan sekiranya tali layang-layang tersebut terputus, maka akan terjatuhlah layang-layang tersebut ke tanah ataupun diterbangkan angin mengikut haluan yang entah ke mana. Begitulah juga dengan aqidah sebagai tali yang mengikat ilmu. Tanpa aqidah, ilmu akan dilihat seperti mana yang dilihat oleh golongan sekular hari ini.

Keempatnya, integrasi ilmu ini akan mewujudkan kembali sejarah kegemilangan umat Islam terdahulu. Sejarah telah membuktikan bagaimana sarjana-sarjana Islam terdahulu yang menyepadukan ilmu bukan sahaja menguasai ilmu fardu ain, bahkan juga menguasai ilmu fardu kifayah. Lihat sahaja al-Kindi (mati 873m) selain daripada seorang ahli falsafah adalah juga mahir dalam bidang logik, fizik, politik, psikologi, etika, matematik, astronomi, perubatan, muzik dan falsafah. Al-Farabi (mati 985m), seorang ahli falsafah yang mempunyai autoriti dalam pelbagai bidang termasuklah sains, ekonomi dan politik. Begitu juga dengan Ibn Sina (mati 1037m) merupakan ahli filosof yang mahir dalam perubatan, metafizik, logik, psikologi, kimia, fizik dan sastera. Begitulah perlunya integrasi ilmu untuk melahirkan kembali sarjana-sarjan Islam yang sebegini rupa.

#### Langkah-langkah penyepaduan ilmu

Integrasi ilmu atau pengislamisasian ilmu merupakan satu proses. Ia memerlukan kepada perancangan dan tindakan yang betul. Menurut Sidek Baba, tiga perkara perlu dilakukan.

Pertamanya, pembangunan asas bagi epistemologi ilmu. Ia perlulah bebas dan berbeza daripada konsep secular dan dualisme yang menular di dalam sistem pendidikan kita. Barat melihat ilmu itu terpisah daripada agama, sedangkan Islam

memandang kesemua ilmu datangnya dari Maha Pencipta. Bertitik tolak dari sini, epistemologi ilmu perlu di dasarkan dan dibentuk dari tatasulila(ethos) dan nilai Islam. Warisan tamadun Islam yang gemilang di Andalus, Bait al-hikmah , Azhar di Mesir sepatutnya menjadi bukti manifestasi asas bagi epistemologi ilmu di dalam Islam. Sejarah ketamadunan mereka menjadi petunjuk tentang kesyumulan dan kesejagatan Islam. Barat sendiri telah mencedok dan melarikan teknologi dan ketamadunan Islam di era ini. Walaupun penekanan diberikan kepada penggunaan akal tetapi ia didahului dan ditunjangi oleh tauhid yang menyaring dan menapis di antara kebenaran dan kepalsuan. Inilah keistimewaan epistemolgi ilmu dalam Islam. Tauhid menjadi nukleus dalam pembinaan ilmu.

Keduanya, pembangunan institusi pendidikan untuk melaksanakan proses integrasi. Berhubung perkara ini, Al-Faruqi telah menyatakan tiga langkah praktikal di dalam penyepaduan ilmu iaitu menyatukan dua sistem pendidikan, mengislamisasikan kurikulum dan menanam serta menyemai para pendidik dengan wawasan Islam. Penyatuan dua sistem pendidikan di sini bermaksud penyatuan sistem pendidikan tradisional dan moden. Dalam sistem pendidikan tradisional ia terkebelakang dan tidak dapat memenuhi kehendak umat itu sendiri. Manakala sistem pendidikan moden berasaskan secular atas nama kemodenan. Penyatuan antara kedua-dua sistem ini akan memodenkan sistem tradisonal dan mengislamkan sistem moden. Untuk tujuan inilah dilaksanakan penubuhan Kolej dan Universiti Islam sebagaimana yang terdapat di Pakistan dan di Malaysia hari ini. Bagi al-Faruqi penubuhan institusi ini akan menjadi model kepada semua institusi pendidikan di dunia Islam.

Langkah kedua yang dicadangkan oleh Al-Faruqi ialah pengislamisasian kurikulum. Dalam hal ini Al-Faruqi bersama tokoh-tokoh Islam yang sealiran dengannya telah menubuhkan International Institute of Islamic Thought (IIIT) di Virginia, USA. Beberapa cawangan telah dibuka termasuklah di Jordan dan Malaysia. Di antara tujuan institute ini ditubuhkan ialah bagi membuat penyelidikan untuk menyediakan sukatan model bagi pendidikan Islam.Ia telah dilaksanakan di Pakistan begitu juga di Malaysia.

Langkah yang ketiga pula ialah penanaman di dalam jiwa pendidik mengenai wawasan Islam di dalam konsep ilmu dan pendidikan. Kriteria-kriteria berikut perlu di penuhi untuk menjadi pendidik yang mempunyai wawasan Islam. :

1. Perlu menguasai disiplin ilmu yang moden
2. Menguasai warisan dan ketamadunan Islam
3. Membina kerevelan yang tertentu bagi Islam mendepani pengetahuan moden
4. Mencari sintesis yang kreatif di antara warisan dan pengetahuan moden
5. Melancarkan pemikiran Islam yang mendasari kepada pengabdian kepada Allah.

Ketiganya ialah Pembangunan Kesarjanaan. Sebagaimana yang diketahui, pada hari ini, kesarjanaan yang ada hanyalah menekankan kepada pengkhususan dalam sesuatu bidang dan mengeneipikan bidang yang lain. Pemetakan ilmu berlaku dalam institut-institut pengajian tinggi di seluruh dunia Islam. Seharusnya para sarjana perlulah menguasai lebih daripada satu pengkhususan . Sekiranya dia telah menguasai bidang agama misalannya, dia perlu juga menguasai bidang kontemporari seperti bidang ekonomi dan pertanian. Begitu juga sebaliknya, bagi sarjana yang mempunyai pengkhususan dalam ilmu radu kifayah, perlu juga menguasai ilmu fardu ain, kerana ia merupakan teras atau pusat bagi ilmu fardu kifayah tersebut.

### Kesimpulan

Berdasarkan perkara yang diperbincangkan, maka boleh dibuat beberapa kesimpulan. Pertama, kita perlu mengetahui terlebih dahulu hirarki atau tatasusunan ilmu dalam Islam yang mengkategorikan ia kepada fardu ain sebagai teras atau pusat serta fardu kifayah.

Keduanya, penyepaduan ilmu wahyu dan bukan ilmu wahyu sangat-sangat diperlukan untuk kita kembali kepada kesatuan ilmu, memusnahkan pemisahan dan pemetakan ilmu serta mengembalikan kegemilangan tamadun Islam terdahulu

serta kembali kepada fitrah ilmu yang kesemuanya berpaksi kepada aqidah yang satu.

Ketiga, langkah-langkah yang disarankan oleh sarjana-sarjana Islam untuk menyepadukan ilmu perlulah diambil berat dan dilaksanakan secara keseluruhannya.

## Bibliografi

Al-Quran

Al-Naquib al-Attas, Syed Muhammad. 1979. *Aims And Objectives Of Islamic Education*. Jeddah: King Abdulaziz University.

Mohd Idris Jauzi. 1990. *Faham Ilmu , Pertumbuhan dan Implikasi*. Nurin Enterprise

Muhammad Shafiq. *Islamization of Knowledge: Philosophy and Methodology and Analysis of the View and Ideas of Ismail R. Al-Faruqi, S. Hossein Nasr and Fazlur Rahman*. Hamdard Islamicus Vol XVIII No. 3

Rosnani Hashim. *Islamization of the Curriculum*. The American Journal of Islamic Social Sciences 16:2

\_\_\_\_\_. 2001. *Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam Dalam Konteks Pendidikan di Malaysia*. Jurnal Pendidikan Islam , jilid 9, bil. 4, UKM

\_\_\_\_\_. 2002. *Dualisme Pendidikan Umat Islam di Malaysia: Sejarah, Perkembangan dan Cabaran Masa Depan*. Jurnal Pendidikan Islam , jilid 10, bil. 2, UKM

S. A. Ashraff. 1994. *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*. (terjemahan : Ismail Ahmad). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Sidek Baba. 2000. *Integrated Knowledge in the Tawhidic Curriculum*. Muslim Education Quarterly. Vol. 17. The Islamic Academy, Cambridge, UK.

Tajul Ariffin Noordin. 1987. *Pendidikan Bersepadu : Konsep dan Falsafahnya dalam KBSM*. Jurnal Pendidikan UKM.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur